

UCAPAN PERDANA MENTERI KETIKA MENGENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 2), 1973, DI DEWAN RAKYAT PADA 10HB JULAI, 1973

Tuan Yang Dipertua¹,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibaca pada kali kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin ingat bahawa dalam Sidang Dewan yang baru lalu Akta Perlembagaan (Pindaan), 1973, telah diluluskan meminda Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan bagi maksud membolehkan Dewan Negeri Selangor meminda takrif "Negeri" dalam Perlembagaan Negeri Selangor mengikut keputusan lebihsuara.

Sebagaimana saya telah terangkan kepada Dewan ini pada masa itu, pindaan kepada Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan ialah langkah pertama yang perlu dalam proses undang-undang bagi melaksanakan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kemudian daripada itu, Dewan Negeri Selangor telah meluluskan Enakmen Selangor untuk mematuhi peruntukan Akta Perlembagaan (Pindaan), 1973.

Sebagaimana saya telah juga terangkan pada masa itu, mengikut kehendak-kehendak Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-raja kenalah juga memberi persetujuan terhadap kelulusan suatu undang-undang Persekutuan untuk mengubah sempadan-sempadan Negeri Selangor dan juga terhadap peruntukan-peruntukan lain dalam undang-undang itu berhubung dengan pemindahan bidangkuasa dan kedaulatan Raja Negeri Selangor. Saya juga suka hendak memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Duli-duli Yang Maha Mulia telahpun memberi persetujuan Baginda-baginda dalam Majlis Raja-raja yang diadakan baru-baru ini.

Selain daripada yang tersebut di atas tadi, Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan adalah juga menghendaki Dewan Negeri Selangor membenarkan melalui undang-undang Negeri itu supaya undang-undang Persekutuan itu diluluskan. Kebenaran ini

¹ Tan Sri Datuk Chik Mohamed Yusof bin Sheikh Abdul Rahman.

melalui Undang-undang Negeri Selangor telah juga diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor dalam mesyuaratnya yang diadakan baru-baru ini. Pendeknya, saya suka hendak memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa segala kehendak Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan telahpun dipatuhi supaya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973 yang ada sekarang ini di hadapan kita ini diluluskan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, apabila membaca Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita, Rang Undang-undang ini bukanlah sahaja mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan bahkan juga mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan. Kerajaan berpendapat mengambil peluang ini untuk meminda Perkara 46 Perlembagaan bagi maksud menyusun semula keanggotaan Dewan Rakyat dengan cara penguntukan-penguntukan mengikut Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Semenjak Hari Malaysia, bilangan ahli-ahli Dewan Rakyat dari Sabah dan Sarawak adalah menurut penguntukan mengikut negeri-negeri—sila lihat Perkara 46 (2) yang sedia ada dalam Perlembagaan. Angka yang diuntukkan bagi Sabah dan Sarawak telah ditetapkan melalui perundingan dan oleh yang demikian tidaklah berasaskan bilangan penduduk-penduduk. Adalah didapati dari Suruhanjaya Cobbold bahawa "potential" Negeri-negeri Borneo telah juga ditimbangkan bagi menentukan angka itu. Di bawah perkara 46 yang sedia ada itu, bilangan ahli-ahli Dewan Rakyat bagi tiap-tiap satu Negeri di Semenanjung Malaysia akan ditentukan mengikut prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan. Ini adalah diperuntukkan dalam Perkara 116 (1) dan (2) yang sedia ada yang menyatakan bahawa—

"116. (1) Bagi memilih ahli-ahli Dewan Rakyat, sesuatu yunit ulangkaji hendaklah dibahagi kepada beberapa kawasan pilihanraya mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketigabelas.

(2) Jumlah bilangan kawasan pilihanraya hendaklah sama dengan bilangan ahli-ahli supaya seorang ahli dipilih bagi tiap-tiap satu kawasan pilihanraya, dan daripada jumlah bilangan kawasan pilihanraya dalam Negeri-negeri Tanah Melayu itu sebilangan yang ditetapkan mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketigabelas hendaklah diuntukkan bagi tiap-tiap satu Negeri".

Prinsip-prinsip yang diikuti bagi menentukan bilangan itu di bawah peruntukan-peruntukan yang sedia ada itu adalah dinyatakan dalam seksyen 2 Bahagian I Jadual Ketigabelas.

Kerajaan, setelah berunding dengan Suruhanjaya Pilihanraya, mendapati perlu atas alasan-alasan penduduk-penduduk yang bertambah ramai, perpindahan penduduk-penduduk disebabkan perkembangan ekonomi dan potential masa hadapan negara ini, maka amatlah wajar ditambah bilangan kawasan pilihanraya di Negeri-negeri Semenanjung Malaysia supaya memberikan psng-undi-pengundi perwakilan yang saksama dalam Dewan yang mulia ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ini hanya memerlukan suatu pindaan yang terus terang kepada Perlembagaan Persekutuan dengan syarat, bagaimanapun, pindaan itu adalah diluluskan dengan lebihsuara dua pertiga—sila lihat Perkara-perkara 159 (4) (*bb*) dan 161E Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, bagi maksud ini, adalah perlu supaya Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan diperkanunkan semula mengikut cara yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini. Sebagai hasil dari pindaan ini, pindaan-pindaan berbangkit adalah juga perlu kepada Perkara-perkara 113 dan 116 dan juga kepada Jadual Ketigabelas.

Untuk memudahkan, maka Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973 adalah dibahagi kepada tiga bahagian. Bahagian I adalah berkenaan dengan perkara-perkara berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan. Pindaan-pindaan berbangkit berkenaan dengan melaksanakan penubuhan Wilayah Persekutuan dan pemindahan bidangkuasa-bidangkuasa adalah terkandung dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini. Bahagian II Rang Undang-undang ini adalah berkenaan dengan perkara-perkara berhubung dengan pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan. Bahagian III Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan am berhubung dengan ulangkaji yang akan dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya selepas sahaja Rang Undang-undang ini diluluskan dan untuk menyangkal kuatkuasa lapuran-lapuran dan syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya yang telahpun dibuat tetapi belum lagi diambil terima semata-mata oleh kerana lapuran-lapuran dan syor-syor itu telah didahului oleh perkara-perkara berikutan dengan pindaan-pindaan yang tersebut di atas tadi.

Huraian bagi Rang Undang-undang ini menerangkan dengan panjang lebar tujuan tiap-tiap satu Fasal dalam Rang Undang-undang ini. Saya tidak hendak mengambil masa Ahli-ahli Yang Berhormat dengan mengulangi huraian itu tetapi saya suka hanya hendak membuat penjelasan-penjelasan tertentu mengenai perkara-perkara yang berikut:

- (1) Berkenaan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan, pemindahan bidangkuasa dan kuasa-kuasa sebagaimana dinyatakan dalam Fasal-fasal 3, 4, 5 dan 9 dan pindaan-pindaan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini berhubung dengan pindaan-pindaan kepada Perkara-perkara 3, 11, 42 dan 97 adalah suatu pemindahan bidangkuasa dan kuasa-kuasa yang lengkap daripada Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan termasuk hak kedaulatan pengampunan dan bidangkuasa atas Ugama Islam dalam Wilayah Persekutuan. Pemindahan itu adalah mustahak seperti yang demikian supaya pemindahan bidangkuasa dan kuasa-kuasa itu tidak akan menimbulkan apa-apa juga keraguan atau pertikaian.
- (2) Saya bercadang dalam Jawatankuasa hendak meminda syarat yang kedua di fasal 8 iaitu wakil yang dinamakan oleh D.Y.M.M. Raja Selangor ditambah dari satu jadi dua.
- (3) Pindaan kepada Jadual Ketigabelas adalah juga termasuk suatu pindaan bagi memotong perkataan-perkataan "supaya pada setengah-setengah tempat, suatu bahagian pilihanraya di luarbandar boleh mengandungi hanya satu perdua daripada bilangan pengundi-pengundi dalam sesuatu kawasan pilihanraya di bandar" yang terdapat dalam perenggan (c) seksyen 2 Jadual itu. Pindaan ini ialah untuk memberikan peluang yang lebih luas kepada Suruhanjaya Pilihanraya menggunakan budi-bicaranya dalam menentukan langkah-langkah mengenai imbalan yang patut diberikan kepada kawasan luar bandar yang mana, oleh kerana keadaan-keadaan yang tertentu, mengalami kekurangan jika dibandingkan dengan kawasan bandar.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah faham bahawa bebanan tanggungjawab Ahli-ahli yang mewakili kawasan pilihanraya luar bandar yang luas seperti Ulu Kelantan atau Kuala Lipis ataupun

kawasan saya sendiri di Pekan adalah jauh berbeza dengan Ahli dari Bangsar ataupun Bukit Bintang. Kesulitan perhubungan dengan penduduk-penduduk yang diam di kampung-kampung yang terpencil memerlukan penyemakan atas keadaan yang berlaku sekarang bagi penyusunan semula kawasan pilihanraya supaya membolehkan Wakil Rakyat memberikan perhatian dan layanan yang lebih saksama kepada pengundi-pengundi mereka.

Lain-lain peruntukan dalam Rang Undang-undang ini adalah diterangkan dalam Huraiananya dan tidak memerlukan penjelasan lagi.

Tuan Yang Dipertua,

Saya suka memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa soalan "bantuan kewangan" kepada Kerajaan Negeri Selangor telah ditimbang dengan saksamanya oleh Kerajaan Persekutuan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersetuju, Kerajaan Negeri Selangor tidaklah seharusnya mengalami kerugian akibat dari penubuhan Wilayah Persekutuan. Bagi maksud tersebut, Kerajaan Persekutuan adalah berpegang kepada prinsip "menikmati kemakmuran bersama" dengan Kerajaan Negeri Selangor atas kemakmuran yang terdapat sekarang dan kemakmuran yang akan didapati pada masa akan datang bagi Bandaraya Kuala Lumpur. Kerajaan Persekutuan akan membantu Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha-usahanya untuk mendirikan ibu negeri yang baharu di Shah Alam. Satu Perjanjian Kewangan akan diadakan di antara Kerajaan Persekutuan serta juga Kerajaan Negeri Selangor berkenaan dengan Wilayah Persekutuan.

Bahkan Kerajaan Pusat akan bersifat adil dan bertimbang rasa terhadap Kerajaan Negeri Selangor berkenaan dengan bantuan wang disebabkan pengorbanan yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Selangor menyerahkan Kawasan Kuala Lumpur seluas 94 batu persegi kepada Kerajaan Pusat. Sebahagian daripada pembayaran-pembayaran yang akan diberi kepada Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

- (i) pemberian bantuan khas tahunan sebagai pampasan menggantikan bantuan kiraan kepala (capitation grant) yang diberikan sekarang ini;
- (ii) pembayaran sagu hati bagi kehilangan hasil-hasil tahunan setelah ditolak harga mengurus (operating expenses);

(iii) pembayaran atas harta, tanah dan rumah (immovable properties) yang akan diserahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan.

Dalam konteks ini, saya suka menyatakan bahawa kedudukan harta-harta persendirian tidak akan terlibat oleh kerana Kerajaan Persekutuan akan mewarisi semua tanggungjawab atas harta-harta ini daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Satu Jawatankuasa Pegawai-pegawai yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin) mengandungi pegawai-pegawai dari kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sedang mengkaji berbagai-bagai aspek pentadbiran berkaitan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan. Pertimbangan yang sewajarnya telah diberi untuk menentukan bahawa pemindahan yang berlaku itu akan dijalankan dengan licin tanpa apa-apa kegendalaan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada penduduk-penduduk Kuala Lumpur. Jawatankuasa itu pada masa sekarang adalah pada peringkat akhir dalam menyempurnakan tugas-tugasnya. Walau bagaimanapun, penilaian atas nilai sebenarnya harta-harta yang terlibat akan memakan masa yang lebih panjang. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membayar wang pendahuluan sebanyak 200 juta ringgit kepada Kerajaan Negeri Selangor sementara menunggu angka-angka muktamad yang dipersetujui oleh kedua pihak.

Bagi mengelakkan keraguan atau kebimbangan di mana-mana pihak, saya suka juga memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor akan terus memegang kerusi mereka selepas penubuhan Wilayah Persekutuan sehingga Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubarkan kelak. Saya percaya Ahli dari Batu dan Ahli dari Datuk Keramat akan berterima kasih dalam hal ini.

Tuan Yang Dipertua,

Penubuhan Wilayah Persekutuan merupakan satu peristiwa yang bersejarah dalam kemajuan Bandaraya Kuala Lumpur. Adalah menjadi hasrat saya dengan penubuhan Wilayah Persekutuan, kemajuan dan pembangunan di Kuala Lumpur akan diperhebatkan lagi bersesuaian dengan kedudukannya sebagai Ibu Negara Malaysia.

Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, Malaysia sewajarnya mempunyai sebuah Ibu Negara yang dipunyai bersama oleh semua rakyat dalam Malaysia dan Ibu Kota yang ditadbirkan secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan. Penu-buhan Wilayah Persekutuan ini yang luasnya 94 batu persegi dengan penduduk hampir satu juta sudah tentu akan menambahkan prestige bagi negara kita dan kepada Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya suka memberi jaminan di sini iaitu dengan terletaknya pentadbiran Ibu Negara secara langsung di bawah Kerajaan Persekutuan, maka Kerajaan akan memerhatikan supaya pembangunan masa hadapan Bandaraya Kuala Lumpur ini benar-benar memenuhi kehendak-kehendak dan keperluan sebuah Bandaraya yang moden setanding dengan Ibu-ibu Negara lain yang lebih maju di dunia hari ini. Dalam pada itu, Kerajaan akan juga menitikberatkan supaya kegiatan-kegiatan kehidupan di dalam Bandaraya Kuala Lumpur akan mencerminkan keperibadian dan kepentingan negara pada keseluruhannya.

Tegasnya, kemajuan dan pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur akan menjadi contoh kepada pembangunan bandar-bandar lain yang sedang kita lancarkan untuk beberapa tahun akan datang.

Akhirnya, saya suka melahirkan sekali lagi rasa penghargaan Kerajaan Persekutuan di atas kemurahan hati dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh D.Y.M.M. Sultan Selangor yang telah memperkenankan Penubuhan Wilayah Persekutuan serta juga kepada Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Y.A.B. Datuk Harun.

Saya berharap pihak-pihak lain yang juga terlibat dalam pertukaran-pertukaran yang timbul dari Rang Undang-undang ini akan juga menerimanya dengan semangat yang sama seperti yang ditunjukkan oleh D.Y.M.M. Sultan Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon mencadangkan.